

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

AIA PUBLIC Takaful Bhd.
201101007816 (935955-M)

Tarikh: 17/12/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL / PRODUK TAKAFUL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah itu PB Excellink-i?

PB Excellink-i (Ini ialah PRODUK TAKAFUL) ialah pelan takaful berkaitan pelaburan dengan caruman tunggal yang menawarkan gabungan perlindungan takaful dan pelaburan selama **70** tahun. Pelan ini menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) berlaku semasa tempoh sijil. Pelan ini juga menyediakan faedah matang. Pelan ini bertujuan untuk memberikan perlindungan dan pelaburan.

Konsep Syariah yang berkenaan di bawah sijil takaful ini ialah *Tabarru'* (derma), *Wakalah* (agensi), *Wakalah bi al-Istithmar* (agensi pelaburan), *Mudarabah* (perkongsi keuntungan), *Ju'alah* (insentif prestasi), dan *Qard* (pinjaman tanpa faedah) dan *Hibah* bersyarat (hadiah). Sila rujuk brosur dan laman web untuk penerangan konsep Syariah ini.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM400,000.00** Caruman Tunggal, anda akan menerima **perlindungan / faedah** takaful keluarga berikut:

Faedah Kematian	RM 500,000 atau Nilai Akaun dalam DPP atau RM5,000 , yang mana lebih tinggi.
Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	RM 500,000 atau Nilai Akaun dalam DPP atau RM5,000 , yang mana lebih tinggi.
Faedah Kematangan	Nilai Akaun dalam DPP

Pelan takaful berkaitan pelaburan anda **mengecualikan** :

- Bunuh diri** - sekiranya kematian adalah disebabkan oleh bunuh diri di dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan, tarikh mula atau tarikh penguatkuasaan semula (yang mana lebih kemudian), kami akan mengembalikan jumlah keseluruhan nilai akaun bagi Dana Pelaburan Peserta berdasarkan harga yang ditentukan pada tarikh penilaian sejurus selepas Tarikh kematian. Sijil takaful kemudiannya akan ditamatkan.
- Kedaaan sedia ada**, termasuk sebarang ketidakupayaan fizikal atau mental sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula (yang mana kemudian) adalah tidak dilindungi.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan berkenaan dengan takaful berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

1800-18-1464 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Layari laman web kami di:

<https://www.publicislamicbank.com.my/personal-banking/takaful/wealth-management-and-planning/pb-excellink-i/>



E-mel kami di:

my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui tanggungjawab Anda

Untuk takaful berkaitan pelaburan ini, anda mesti membayar caruman takaful berikut:

Caruman takaful	RM400,000.00 Caruman Tunggal
Tempoh: Caruman Tunggal	
Pengendali takaful memperuntukkan sebahagian daripada caruman untuk membeli unit di dalam dana-dana pelaburan yang anda pilih.	

Caruman yang diperuntukkan untuk membeli unit	95.00% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM380,000.00 Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.
---	---

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Jumlah Komisen	3.75% daripada jumlah caruman atau RM15,000.00
Jumlah yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	5.00% daripada jumlah caruman atau RM20,000.00
Caj-caj lain yang terpakai	<ul style="list-style-type: none"><i>Tabarru'</i> ditolak setiap bulan bergantung pada umur anda yang dicapai dan faktor lain. Ia akan meningkat apabila anda semakin tua. Ianya adalah sumbangan bagi tujuan saling membantu dan membantu kepada Peserta lain yang memerlukan.Caj perkhidmatan bulanan sebanyak RM2.00 untuk menampung kos-kos pentadbiran di dalam penyelenggaraan sijil takafulYuran sijil sebanyak RM100 akan ditolak sekali sahaja daripada Sumbangan Sekali Gus sebelum diperuntukkan ke dalam PIF.Pertukaran dana adalah percuma. Tertakluk kepada jumlah minimum pertukaran sebanyak RM50Caj pengurusan dana untuk menampung kos-kos pentadbiran di dalam pelaburan dan pengurusan dana-dana berkaitan pelaburan.

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau sijil ditamatkan.
- Dana-dana yang terdapat di bawah sijil takaful ini adalah Dana Risiko Peserta dan Dana Pelaburan Peserta.
- **Peluputan Sijil Takaful** - Sijil Takaful akan luput apabila nilai akaun dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) tidak mencukupi untuk membayar *Tabarru'* dan caj-caj sijil lain, jika ada.
- **Nilai Akaun** - Nilai Akaun Sijil Takaful anda bergantung kepada prestasi DPP dan tidak dijamin.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd.

- **Tempoh Percuban:** Anda boleh membatalkan Sijil Takaful anda dalam tempoh lima belas (15) hari selepas menerima e-sijil anda di portal pelanggan AIA, atau dalam tempoh lima belas (15) hari selepas menerima salinan cetak jika dipilih. AIA PUBLIC Takaful Bhd. akan mengembalikan Nilai Akaun Dana Pelaburan Peserta (DPP) anda, beserta Yuran *Wakalah, Tabarru'* dan semua caj-caj yang telah ditolak sejak daripada Tarikh Penyertaan, ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
- **Notis Bertulis:** Selepas Tempoh Pemeriksaan Percuma, anda boleh menyerahkan Sijil Takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd. Nilai serahan (jika ada) ialah Nilai Akaun Dana Pelaburan Peserta (DPP) dan ia tidak dijamin. Sila pertimbangkan dengan teliti kerana Anda mungkin mengalami kerugian sekiranya Anda menyerahkan Sijil Takaful. Sijil Takaful kemudiannya akan ditamatkan.